

**MAJLIS PECAH TANAH PROJEK LEBUH RAYA KOTA BHARU KE KUALA KRAI
(PAKEJ 1B: PASIR HOR KE KADOK)**

01/04/2014

LEBUH RAYA KOTA BHARU KE KUALA KRAI, KELANTAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia,

Yang Berhormat Dato' Sri Mustapa bin Mohamed,
Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri merangkap Pengerusi Majlis
Tindakan Persekutuan Negeri Kelantan,

Yang Berhormat Datuk Haji Fadillah Bin Haji Yusof,
Menteri Kerja Raya,

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dif - dif jemputan, Pegawai-pegawai Kanan
Kementerian dan Agensi Kerajaan, Wakil-wakil media, Dato'-Dato', Datin-
Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, dapat kita berhimpun pada hari yang berbahagia ini bersempena dengan Majlis Pecah Tanah Projek Lebuh Raya Kota Bharu ke Kuala Krai, iaitu dari Pasir Hor ke Kadok (di bawah Pakej 1B).
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YB Dato' Sri Mustapa Bin Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri merangkap Pengerusi Majlis Tindakan Persekutuan Negeri Kelantan dan YB Datuk Haji Fadillah Bin Haji Yusof, Menteri Kerja Raya yang telah sudi menjemput saya untuk menyempurnakan Majlis Pecah Tanah Projek Lebuh Raya Kota Bharu – Kuala Krai, dari Pasir Hor ke Kadok pada hari ini.
3. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kerja Raya, Jabatan Kerja Raya dan Majlis Tindakan Persekutuan Negeri Kelantan yang telah bersama-sama menggembleng tenaga dalam memastikan apa yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dalam Program Jelajah Janji Ditepati Negeri Kelantan pada 20 Januari 2013 di Kota Bharu itu dilaksana seperti yang dirancang.

4. Semoga dengan pelaksanaan projek ini yang juga merupakan salah satu daripada tujuh (7) Janji di Negeri Kelantan dapat membuktikan slogan 'Janji Ditepati' Kerajaan Persekutuan ini bukanlah sekadar omongan semata-mata tetapi ianya merupakan janji yang dikota dan terus dilaksanakan.

Para hadirin sekalian,

5. Sebagaimana yang kita ketahui, kemudahan infrastruktur merupakan elemen asas penting dalam menjayakan hasrat Malaysia untuk mencapai status negara maju pada Tahun 2020 nanti. Sehubungan dengan itu, penyediaan kemudahan infrastruktur yang baik kepada setiap lapisan masyarakat yang memerlukannya merupakan sebahagian daripada komitmen Kerajaan Persekutuan bagi menjamin kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat.

6. Di dalam Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh (RMKe-10), sejumlah RM2.5 billion telah diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk membiayai 116 buah projek pembangunan di Negeri Kelantan. Daripada 116 buah projek tersebut, terdapat 77 projek yang telah siap sepenuhnya (66%) dan baki sebanyak 39 projek ataupun 34% pula di dalam pelbagai peringkat seperti Rekabentuk, Perolehan dan juga Dalam Pembinaan.

7. Untuk makluman Tuan-tuan dan Puan-puan, 36 daripada 116 projek pembangunan di Kelantan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan adalah melibatkan projek-projek infrastruktur jalan dan jambatan iaitu membina jalan baru, naiktaraf jalan, membina dan membaikpulih jalan sedia ada, dan membina jambatan atau flyover.

8. Tanggungjawab Kerajaan Persekutuan tidak hanya terbatas dengan pembinaan atau naiktaraf jalan sahaja, malah bagi menjamin keselamatan dan keselesaan pengguna, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan RM26 juta setahun bagi menyenggara 1,261.22km jalan persekutuan sedia ada di negeri Kelantan. Ini menunjukkan komitmen Kerajaan dalam menyediakan infrastruktur yang berkualiti kepada rakyat, terutamanya kepada rakyat Kelantan.

9. Projek-projek seumpama ini merupakan satu contoh yang membuktikan bahawa Kerajaan Persekutuan sentiasa peka akan kehendak rakyat dalam memperbaiki mutu kehidupan masyarakat di setiap pelusuk negara dengan memastikan tiada seorang pun tertinggal daripada menikmati kepesatan arus pembangunan negara. Ia juga membuktikan Negeri Kelantan tidak pernah

dilupakan sama sekali di dalam peta pembangunan infrastruktur negara.

Hadirin yang dihormati sekalian,

10. Projek pembinaan Lebuh Raya Kota Bharu ke Kuala Krai dari Wakaf Siku, Kota Bharu ke Kampung Dusun Damar, Kuala Krai sepanjang 73.5 KM ini merupakan sebahagian daripada projek Central Spine Road (CSR) di bawah pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).

11. Dengan terbinanya Lebuh Raya Kota Bharu ke Kuala Krai yang akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat (bermula dari Pakej atau Fasa 1B ini), ianya bakal mewujudkan satu laluan alternatif baru dari Kota Bharu ke Kuala Krai yang lebih selesa dan selamat kepada pengguna jalanraya di negeri Kelantan.

12. Apabila siap kelak, lebuh raya baru ini dijangka akan menambahbaik Level of Service F di jalan sedia ada pada waktu puncak kepada aliran yang lebih lancar dan selesa Level of Service B, hasil daripada aliran yang agak bebas di lebuh raya baru.

13. Saya juga optimis lebuh raya baru ini akan membuka satu lembaran baru dari segi rangkaian hubungan, aksesibiliti dan mobiliti di Negeri Kelantan dalam usaha Kerajaan menyediakan infrastruktur berkualiti di kawasan pedalaman bagi mengurangkan jurang pembangunan antara bandar dan desa.

14. Saya yakin kedudukan jajaran baru yang selari dengan jalan sedia ada adalah sangat strategik dan sedikit sebanyak akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi setempat. Ianya bakal mengubah wajah kawasan sekitarnya melalui pembangunan projek-projek baru dan akan merencanakan lagi kegiatan ekonomi masyarakat setempat. Ini secara tidak langsung akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan.

Hadirin sekalian,

15. Akhir kata, saya percaya projek yang berimpak tinggi ini apabila siap kelak, akan memberi banyak manfaat dan faedah kepada penduduk-penduduk setempat terutamanya di kawasan Batu Empat (4), Padang Enggang, Perol dan Kadok yang tidak perlu melalui Pekan Mulong lagi apabila hendak ke Kota Bharu.

16. Saya berdoa' ke hadrat Illahi agar projek Lebu Raya Kota Bharu ke Kuala Krai, dari Pasir Hor ke Kadok ini, yang dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan dengan nilai kontrak yang berjumlah RM168.5 juta dapat disiapkan oleh pihak kontraktor sebaik-baiknya sebelum 2 April 2017.

17. Dengan lafaz Bismillahirrah-mannirrahim, saya dengan ini merasmikan Majlis Pecah Tanah Projek Lebu Raya Kota Bharu ke Kuala Krai, dari Pasir Hor ke Kadok ini.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Sekian, terima kasih.